

www.maiamp.gov.my

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ehsan

Tel No : 05-254 8776 / 255 0485 / 255 3809

Faks No: 05-241 4257

E-mel : korporat@maiamp.gov.my



LAPORAN TAHUNAN 2009 (1430 HIJRAH)



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



Rasional Kulit

Daun hijau, lambang keabadian Islam menjadi nadi yang menyalurkan titisan air yang berterusan supaya bumi Allah ini sentiasa disegari dan disuburi dengan bekalan air yang mencukupi. Kesan riak-riak di permukaan air melambangkan penyebaran meluas ajaran dan nilai-nilai murni Islam berkat peranan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang memperkasa dan memartabatkan agama Islam dan masyarakat Islam di negeri Perak Darul Ridzuan.





KANDUNGAN

02	Visi / Misi / Objektif
08	Titah Perutusan DYTM Raja Muda Perak
09	Sejarah Penubuhan MAIPk
10	Informasi Korporat
14	Ahli-Ahli MAIPk
16	Profil Ahli-Ahli MAIPk
21	Pengurusan Kanan
23	Carta Organisasi
24	Penyata Setiausaha MAIPk
25	Laporan Operasi
29	Penyata Tadbir Urus Korporat
34	Peristiwa Korporat
38	Analisa Kewangan 10 tahun
40	Penyata Kewangan

Visi

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Misi

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik serta mengamalkan tadbir urus cemerlang yang berpaksikan ketelusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi.

Objektif

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dalam usaha menganjur, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan pentadbiran masyarakat Islam berpandukan hukum-hukum syarak di dalam negeri Perak Darul Ridzuan melalui:

- ***Bahagian Khidmat Pengurusan***

Memantapkan kualiti perkhidmatan pentadbiran, kewangan dan sistem maklumat melalui pengurusan sumber manusia yang berkesan dan menyeluruh.

- ***Bahagian Zakat***

Menguruskan pelaksanaan pungutan serta agihan zakat dan fitrah secara berkesan bagi manfaat umat Islam di negeri Perak Darul Ridzuan.

- ***Bahagian Hartanah***

Mentadbir dan membangunkan dengan berkesan segala urusan hartanah, wakaf dan sumber am di negeri Perak Darul Ridzuan.

**DAULAT
TUANKU**



**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.A.

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan



**DULI YANG MAHA MULIA RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU BAINUN**

D.K., D.K. (Selangor), D.M.N., D.K.A.



**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S.,
S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)



**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU ZARA SALIM**
D.K.S.A., D.K.A.

TITAH PERUTUSAN DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN YANG DIPERTUA MAJLIS

Bismillahi Rahmani Rahim.

Laporan tahunan ini merupakan satu wasilah perkongsian maklumat yang penting lagi bermanfaat. Melalui laporan ini, pelbagai aktiviti Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) yang bersangkutan dengan kutipan dan agihan zakat serta pembangunan wakaf dan pengurusan mal dapat dibentangkan secara telus dan komprehensif.

Kemiskinan merupakan isu sejagat yang wajib diberikan fokus jika sesebuah negara berhasrat memastikan rakyatnya hidup dalam kesejahteraan dan kemakmuran. Di negara ini, pelbagai usaha dilaksanakan oleh berbagai pihak merangkumi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani masalah kemiskinan. Diakui bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan masih belum dapat menyelesaikan masalah kemiskinan sepenuhnya. Masih terdapat sebilangan rakyat yang dibelenggu dengan rantai kemiskinan yang semakin sukar diuraikan. Masih terdapat sebilangan kecil rakyat yang perlu dihulurkan bantuan. Justeru itu persoalan kemiskinan senantiasa mendapat perhatian MAIPk.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan usaha membasmi kemiskinan, pelbagai tindakan sedang dilaksanakan oleh MAIPk seperti memastikan pangkalan data ketua keluarga fakir dan miskin senantiasa dikemas kini, menyelaraskan program dan aktiviti dengan pelbagai jabatan dan agensi di peringkat persekutuan, melaksanakan aktiviti dan program dengan lebih cekap dan berkesan serta melakukan penyelidikan secara berterusan bagi meneliti impak program dan aktiviti.

Selain daripada zakat, pengurusan wakaf juga penting untuk dibangunkan dengan lebih menyeluruh. Dalam hal ini, setiap pengendalian harta wakaf perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan penuh tanggungjawab berlandaskan hukum-hukum yang ditetapkan. Harta wakaf merupakan harta yang diamanahkan oleh pewakaf untuk dijaga dan dibangunkan mengikut ketetapan yang telah dipersetujui. Oleh itu, adalah penting agar MAIPk, memegang amanah ini dengan penuh integriti.

Untuk memastikan MAIPk berupaya bergerak dengan lebih mantap, setiap warga MAIPk perlu sentiasa menyemak serta terus melaksanakan usaha untuk memberi nilai tambah kepada orientasi, pendekatan dan kaedah setiap gerak kerja yang dilakukan. Untuk mencapai hasrat tersebut, prinsip pemikiran bertindak perlu disemai dan dibudayakan di dalam setiap jiwa warga MAIPk agar segala keputusan dapat dilaksanakan dengan cepat, tepat dan penuh integriti. Untuk memastikan pembudayaan ini terhasil dengan baik, setiap warga perlu merobohkan tembok pemikiran lama dan bersedia berhijrah ke dalam ruang lingkup baru, bersifat lebih kreatif lagi inovatif agar setiap yang dilaksanakan akan memperoleh kejayaan yang lebih cemerlang. Dengan kata lain, perlu diwujudkan anjakan dalam kerangka pemikiran setiap individu supaya setiap isu, cabaran dan permasalahan yang berbangkit dapat digarap dalam perspektif yang lebih bersepadu.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan mendapat taufik dan hidayah dari ILAHI.

**RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang Malayan Union, beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British.

Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar.

Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas speaker Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi negeri Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 telah membawa kepada pembentukan undang-undang tubuh kerajaan negeri Perak.

Bahagian pertama undang-undang tubuh kerajaan negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuat kuasa undang-undang tubuh kerajaan negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pentadbiran agama Islam di negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah fasal vi.(1) bahagian pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu:

“Kepala agama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara agama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan 'Adat Melayu Perak bagi menolong dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan agama negeri ini dan 'adat Melayu”.

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzudin Shah, kerajaan negeri Perak secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan adat Melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952. Kerajaan negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957). Entiti pentadbiran lain yang bernaung di bawahnya adalah Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Jabatan Mufti Negeri Perak dan Mahkamah Syariah Negeri Perak.

Sejak penubuhannya, struktur organisasi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak mengalami beberapa fasa perubahan dan peningkatan. Pada 2 Januari 1997, D.Y.M.M. Sultan telah berkenan untuk melantik Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak sebagai Yang Dipertua Majlis.

Di bawah peruntukkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Majlis bertanggungjawab terhadap kemajuan ekonomi dan sosial umat Islam di negeri Perak. Dasar-dasar tentang ekonomi dan sosial umat Islam ditentukan oleh Persidangan Majlis yang terdiri daripada 28 orang anggota dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan hendaklah menjadi Setiausaha dan Pentadbir Majlis dan bertanggungjawab menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.

Dengan peredaran masa dan perkembangan undang-undang pentadbiran Majlis, kini Majlis terus mengorak langkah dalam memperkasa dan memartabatkan agama dan masyarakat Islam melalui Bahagian Zakat, Bahagian Hartanah dan Bahagian Khidmat Pengurusan di samping pejabat-pejabat cawangan di seluruh negeri Perak.

INFORMASI KORPORAT

1 Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	D.Y.T.M. Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	Yang Dipertua
2.	Y.A.B. Dato' Seri Dr. Zambry bin Abd. Kadir	Ahli Majlis
3.	Y.B. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim	Ahli Majlis
4.	Y.B. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid	Ahli Majlis
5.	Y.B. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad	Ahli Majlis
6.	Y.A.Bhg. S.S. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Ahli Majlis
7.	Y.Bhg. Tuan Haji Mohd Rahim bin Haji Abdullah	Ahli Majlis (sehingga Mac 2010)
	Y.A.A. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof	Ahli Majlis (dilantik bermula April 2010)
8.	Y.Bhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Haji Mansor	Ahli Majlis (dilantik bermula April 2010) Setiausaha Majlis (sehingga bulan Mac 2010)
9.	Y.A.Bhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Ahli Majlis
10.	Y.A.Bhg. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Seri Haji Abdul Malik bin Haji Noordin	Ahli Majlis (telah meninggal dunia pada Ogos 2010)
11.	Y.Bhg. Dato' Ismail bin Shah Bodin	Ahli Majlis (telah meninggal dunia pada Jun 2010)
12.	Y.A.Bhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini	Ahli Majlis
13.	Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	Ahli Majlis
14.	Y.D.H. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah	Ahli Majlis
15.	Y.A.Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin	Ahli Majlis
16.	Y.Bhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad	Ahli Majlis
17.	Y.Brs. Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara	Ahli Majlis

BIL.	NAMA	JAWATAN
18.	Y.Brs. Tuan Haji As'ad bin Awang	Ahli Majlis
19.	Y.Brs. Tuan Haji Abdul Majid bin Zainal Abidin	Ahli Majlis
20.	Y.Bhg. Dato' Dr. Sidek bin Haji Fadzil	Ahli Majlis
21.	Y.Bhg. Professor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain	Ahli Majlis
22.	Y.Bhg. Professor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli Majlis
23.	Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	Ahli Majlis (dilantik bermula April 2010)
24.	Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan	Ahli Majlis (dilantik bermula April 2010)
25.	Y.Bhg. Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti	Ahli Majlis (dilantik bermula April 2010)
26.	Y.Brs. Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan	Setiausaha Majlis (dilantik bermula April 2010)

2 Jawatankuasa Fatwa**Pengerusi**

Y.A.Bhg. S.S. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

3 Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan**Pengerusi**

Y.B. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad

4 Jawatankuasa Audit**Pengerusi**

Y.Bhg. Professor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

5 Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi**Pengerusi**

Y.Brs. Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

6 Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan**Pengerusi**

Y.Brs. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman

7 Jawatankuasa Baitulmal Daerah

NAMA Pengerusi dan Pengerusi Bersama	DAERAH
Y.A.Bhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Kuala Kangsar
Y.Bhg. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal	
Y.A.Bhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Dr. Haji Wan Mohd Isa bin Haji Wan Ahmad	Taiping dan Selama
Y.Bhg. Dato' Mahmod bin Haji Morsidi	
Y.A.Bhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Dr. Haji Wan Mohd Isa bin Haji Wan Ahmad	Kerian
Y.Brs. Encik Ismail bin Hassan	
Y.Bhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar	Teluk Intan
Y.Brs. Encik Ahmad Zainudin bin Yeop Shamsudin	
Y.Bhg. Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi bin Haji Meor Burhanuddin	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong
Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Karim bin Osman	
Y.Bhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan	Ipoh dan Batu Gajah
Y.Bhg. Dato' Razali bin Othman	
Y.Bhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan	Slim River dan Tapah
Y.Bhg. Dato' Haji Md Damiri bin Md. Sairi	
Y.Bhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abd. Rahman	Seri Iskandar dan Kg. Gajah
Y.Bhg. Dato' Hasim bin Haji Hassan	
Y.D.H. Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin	Kampar
Y.Brs. Tuan Hj. Ahmad Kamaruzzaman bin Hamzah	
Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Azizul Hassan	Manjung
Y.Brs. Encik Ahmad bin Shafee	

AHLI-AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK





Duduk di tengah

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

Berdiri dari kiri ke kanan

Dato' Seri Mohd Annuar Zaini, Dato' Haji Md. Salleh Haji Md @ Haji Ahmad, Tuan Haji As'ad Awang, Tuan Haji Mohd Rahim Haji Abdullah, Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Datuk Haji Mohd Najmuddin Elias (*tetamu jemputan*), Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin Haji Zainal Abidin, Dato' Dr. Ansary Ahmed, Dato' Dr. Sidek Haji Fadzil, Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara, Datuk Dr. Mohammed Yusoff Hussain.

Duduk dari kiri ke kanan

Tuan Haji Abdul Majid Zainal Abidin, Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir Wan Hussain, Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Haji Zakaria, Dato' Ahmad Kamal Md Shahid, Dato' Seri Dr. Zambry Abd. Kadir, Dato' Seri Dr. Abdul Rahman Hashim, Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad, Dato' Haji Mohamah Nor Haji Mansor, Dato' Ab. Wahab Dato' Seri Azizul Hassan, Dato' Ismail Shah Bodin.

(Tiada di dalam gambar iaitu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, Y.Bhg. Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti, Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar Syed Aznan, Y.A.A. Dato' Haji Abdul Aziz Mohd Yusof, Y.Brs Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan).



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan

Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



**Y.A.B. Dato' Seri Dr.
Zambry Abd. Kadir**

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



**Y.B. Dato' Seri Dr. Abdul
Rahman Hashim**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Darul Ridzuan



**Y.B. Dato' Ahmad Kamal
Md Shahid**

Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan



**Y.B. Dato' Jamalludin Al
Amini Haji Ahmad**

Pegawai Kewangan Negeri Perak
Darul Ridzuan



**Y.A.Bhg. S.S. Tan Sri Dato'
Seri (Dr.) Haji Harussani
Haji Zakaria**

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan



**Y.Bhg. Tuan Haji Mohd
Rahim Haji Abdullah**

Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan
Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan

profil ahli-ahli MAIPk



**Y.A.A. Dato' Haji
Abdul Aziz Mohd
Yusof**

Ketua Hakim Syarie Negeri
Perak Darul Ridzuan



**Y.Bhg. Dato' Haji
Mohamah Nor Haji
Mansor**

Pengarah Jabatan Agama
Islam Perak Darul Ridzuan



**Y.A.Bhg. Orang Kaya
Temenggong Paduka
Raja Dato' Seri
Wan Mohd. Fathir @
Wan Fadzir Wan
Hussain**

Orang Besar Jajahan Kuala
Kangsar



**Y.A.Bhg. Dato'
Seri Mohd
Annuar Zaini**

Ahli Dewan Negara Perak
Darul Ridzuan



**Y.D.H. Toh Muda
Orang Kaya-Kaya
Panglima Kinta Seri
Amar Bangsa DiRaja
Dato' Ab. Wahab
Dato' Seri Azizul
Hassan**

Orang Besar Jajahan
Manjung



**Y.D.H. Dato'
Pahlawan Zulkifli
Abdullah**

Ketua Polis Negeri Perak
Darul Ridzuan



**Y.A.Bhg. Tan Sri
Dato' (Dr) Haji
Ahmad Azizuddin
Haji Zainal Abidin**

Ahli Perniagaan



**Y.Bhg. Dato' Haji
Md. Salleh Haji Md
@ Haji Ahmad**

Ahli Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan



**Y.Brs. Tuan Haji
Muhammad Rivai
Batubara**

Ahli Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan



**Y.Brs. Tuan Haji
As'ad Awang**

Ahli Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan



**Y.Brs. Tuan Haji
Abdul Majid
Zainal Abidin**

Ahli Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul
Ridzuan



**Y.Bhg. Dato' Dr.
Sidek Haji Fadzil**

Presiden Kolej Darul
Hikmah



**Y.Bhg. Professor
Datuk Dr.
Mohammed
Yusoff Hussain**

Rektor Kolej Islam Darul
Ridzuan

profil ahli-ahli MAIPk



**Y.Bhg. Professor
Dato' Dr. Ansary
Ahmed**

Presiden/Ketua Pegawai
Eksekutif Asia E University



**Y.Bhg. Tan Sri
Dato' Dr. Wan
Mohd Zahid Mohd
Noordin**

Pengerusi Lembaga
Pengaroh UITM



**Y.D.H. Toh Muda
Orang Kaya Besar
Maharaja Diraja
Dato' Dr. Syed
Jaafar Syed Aznan**

Pengerusi Perbadanan
Kemajuan Ekonomi Islam
Negeri Perak



**Y.Bhg. Dr.
Muhammad Afifi
Al-Akiti**

Felo Pusat Pengajian Islam
Oxford



**Y.Brs. Dr. Syed
Omar Sharifuddin
Syed Ikhsan**

Setiausaha Majlis

■ PENGURUSAN KANAN



1. DR SYED OMAR SHARIFUDDIN SYED IKHSAN

2. ENCIK MOHD HAIDI SULAIMAN

3. HAJAH WAN MAIZURA WAN ZAHARI

4. ENCIK BAKRI LEE

5. ENCIK ROHIZAN OMAR

6. ENCIK ARIFF APANDI




1 Ibu Pejabat

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	DR SYED OMAR SHARIFUDDIN SYED IKHSAN	KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
2.	ENCIK MOHD HAIDI SULAIMAN	KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
3.	HAJAH WAN MAIZURA WAN ZAHARI	PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
4.	ENCIK BAKRI LEE	PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN ZAKAT
5.	ENCIK ROHIZAN HAJI OMAR	PENOLONG SETIAUSAHA BAHAGIAN HARTANAH
6.	ENCIK ARIFF APANDI	AKAUNTAN
7.	ENCIK SHAIFUL NIZAM NOT	EKSEKUTIF HARTANAH
8.	ENCIK MUNAWIR MOHAMED NOR	EKSEKUTIF ZAKAT (PROMOSI)
9.	PUAN NOOR WAHIDA ABU SEMAN	EKSEKUTIF ZAKAT (AGIHAN)
10.	ENCIK WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ MOHD AMIN	EKSEKUTIF BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

2 Daerah

BIL.	NAMA	DAERAH
1.	CIK ZALEHA WAN DIN	PENKALAN HULU
2.	ENCIK MOHAMAD HAFIZI MOHAMAH NOR	GRIK
3.	ENCIK ZULFADLI BAHAROM	LENGGONG
4.	ENCIK S. DAUD SHEHAMY	KUALA KANGSAR
5.	ENCIK MOHD SAUFI IBRAHIM	PARIT BUNTAR
6.	ENCIK MOHD HAFIZZIE ABD KARIM	BAGAN SERAI
7.	ENCIK SUHAIMI YUSOFF	TAIPING
8.	ENCIK AMIRUDIN OSMAN	SELAMA
9.	ENCIK HAMDY OTHMAN	KAMPAR
10.	ENCIK NORAIZAD ROSLI	BATU GAJAH
11.	CIK NORFAZILAH BAWADI	SERI ISKANDAR
12.	ENCIK AHAMAD MUZAMMIL ARBAIN	KG GAJAH
13.	ENCIK AHMAD NAZIM MD TAJURI	MANJUNG
14.	ENCIK AHMAD FAZIL MUSTAFFA	TELUK INTAN
15.	ENCIK DZULBAZLI MAHAMAD ALI	TAPAH
16.	ENCIK MOHD HAFIZURRAHMAN MOHAMAH NOR	SLIM RIVER

CARTA ORGANISASI



PENYATA SETIAUSAHA



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Bagi pihak pengurusan, saya dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2009.

Tahun 2009 telah menyaksikan berlakunya penambahbaikan terhadap struktur utama organisasi MAIPk. Persidangan Majlis Kali Ke-165 bertarikh 16 Mac 2009 telah mengambil satu langkah yang drastik dengan meluluskan cadangan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Persidangan MAIPk tersebut telah bersetuju supaya jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Setiausaha Majlis diasingkan daripada jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan diwujudkan secara eksklusif. Pindaan Enakmen Pentadbiran tersebut telah diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 28 Oktober 2009. Perubahan ini bermakna Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) tidak lagi memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Setiausaha Majlis secara automatik sebagaimana amalan yang berlangsung sejak tahun 1992.

Pada tahun 2009 juga MAIPk telah berjaya meningkatkan kutipan zakat daripada RM57 juta kepada RM62 juta. Peningkatan ini adalah rentetan daripada peningkatan komitmen dan usaha bersungguh-sungguh warga MAIPk menjalankan pelbagai promosi dan penerangan khusus untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab mengeluarkan zakat. Kejayaan ini juga mencerminkan wujudnya perancangan yang pelbagai dan kreatif, pendekatan dan tindakan yang proaktif dan efisien, serta penilaian dan penambahbaikan yang berterusan di kalangan warga MAIPk.

Urusan Mal dan Wakaf terus diperkasakan lagi. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan ialah dengan membangunkan Sistem e-Wakaf yang bertujuan untuk mengemaskinikan data-data wakaf sedia ada serta untuk memastikan pengurusan tanah-tanah wakaf ini dapat dipantau dengan lebih efisien. Selain daripada itu, MAIPk turut mengadakan usahasama strategik dalam membangunkan tanah-tanah wakaf dengan pelbagai pihak termasuk Jabatan Wakaf, Zakat

dan Haji dan Yayasan Wakaf Malaysia agar ianya lebih efektif dan kompetitif. Kerjasama sebegini merupakan suatu contoh pembangunan yang memberi manfaat yang besar kepada umat Islam.

Sebagai sebuah organisasi yang penting dan dinamik, keperluan meningkatkan keupayaan setiap warga organisasi agar bergerak sejajar dengan kehendak stakeholders perlu sentiasa diberi perhatian yang serius. Dalam hal ini, usaha memantapkan budaya kerja cemerlang dan keinginan untuk sentiasa maju akan diterapkan di dalam setiap gerak nadi warga MAIPk selaras dengan visi MAIPk iaitu menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Akhir kata, pengurusan MAIPk ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahulah selaku Ketua Agama Negeri Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah selaku Yang Dipertua Majlis dan ucapan penghargaan kepada semua Ahli Majlis, Jawatankuasa Fatwa, Jawatankuasa Baitulmal, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan dan semua pihak yang telah memberikan komitmen bagi menjadikan MAIPk sebagai sebuah institusi unggul di Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
Setiausaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

LAPORAN OPERASI

Ketidakstabilan ekonomi dan kewangan dunia pada tahun 2009 menyaksikan dunia sekali lagi terjebak di dalam krisis yang meruncingkan di mana hampir seluruh Negara di dunia merasakan kehangatan bahangnya. Suasana ini diburukkan lagi dengan kejatuhan syarikat-syarikat besar di Amerika Syarikat dan Eropah. Syarikat-syarikat gergasi yang dahulunya berdiri kukuh tanpa kesangsian kini ada yang terpaksa gulung tikar dan menanggung kerugian yang sangat besar. Suasana yang suram dan tidak menentu ini telah memberi impak yang kepada ekonomi Malaysia. Penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), penyusutan eksport, kejatuhan nilai mata wang dan penurunan dalam indeks komposit Bursa Malaysia adalah antara bahana yang terpaksa ditanggung oleh semua.

PRESTASI KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT YANG MEMBERANGSANGKAN

Walaupun diselubungi dengan suasana ekonomi yang tidak menentu, prestasi kutipan zakat di negeri Perak masih menunjukkan prestasi yang positif. Buat pertama kalinya jumlah kutipan zakat bagi tahun 2009 melebihi RM62 juta berbanding dengan hanya RM57 juta pada tahun 2008. Zakat harta telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana jumlah kutipan meningkat sebanyak 13.47 peratus iaitu daripada RM25,632,541.00 pada tahun 2008 kepada RM29,085,409.00 dalam tahun 2009. Zakat tanaman pula telah meningkat sebanyak 115.7 peratus iaitu berkembang daripada RM1,227,406.00 pada tahun 2008 kepada RM2,647,593.00 dalam tahun 2009. Namun demikian, zakat perniagaan telah menyaksikan penyusutan sebanyak 1.39 peratus di mana hanya sejumlah RM22,756,985.00 dikumpulkan dalam tahun 2009 berbanding dengan sebanyak RM23,077,357.00 pada tahun 2008.

Untuk mencapai kutipan zakat sebanyak RM62 juta pada tahun 2009, beberapa pendekatan dan kaedah promosi dan kutipan zakat dijalankan. Pengurusan MAIPk telah melaksanakan pendekatan melalui bentuk percetakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengeluarkan zakat. Kaedah pengiraan zakat juga diterbitkan untuk pengetahuan masyarakat dalam mengira zakat. Antara bentuk percetakan yang dijalankan seperti pamphlet, poster, sticker, plastik beg dan kain rentang. Kerjasama dengan Radio Perak dapat dijalin bagi mempromosikan zakat melalui iklan pesanan ringkas dan soal jawab mengenai zakat secara berkala dalam setiap bulan.

Di samping itu, tidak ketinggalan juga pada tahun 2009, pengurusan MAIPk telah berjaya melantik dua agen kutipan zakat yang baru menjadikan keseluruhan agen kutipan zakat sebanyak 8 agen iaitu Bank Rakyat dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Dengan pelantikan dua agen kutipan zakat ini dapat memudahkan pembayar-pembayar zakat untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Pengurusan MAIPk juga telah melantik amil-amil di setiap kariah masjid di dalam negeri Perak Darul Ridzuan. Terdapat 3 jenis amil iaitu amil Fitrah, amil Harta dan amil Profesional. Seramai 2287 amil telah dilantik oleh MAIPk. Masyarakat dengan selesa boleh mendapatkan perkhidmatan berkaitan dengan zakat daripada amil-amil yang tinggal berhampiran dengan mereka.

MAIPk telah mempertingkatkan usaha dengan menjalankan pelbagai promosi dan penerangan khusus untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab mengeluarkan zakat. Pendekatan yang dilaksanakan ini telah menimbulkan kesedaran yang tinggi kepada pembayar zakat khususnya ahli-ahli korporat. Walau bagaimanapun usaha ini tidak akan berjaya dengan mudah tanpa usaha dan sokongan setiap warga MAIPk.

Kejayaan dalam meningkatkan kutipan zakat bagi tahun 2009 memberi erti yang besar kepada asnaf kerana mereka juga turut menikmati hasil daripada agihan zakat yang meningkat. Bagi tahun 2009 MAIPk telah berjaya mengagihkan zakat sejumlah RM60 juta iaitu meningkat sebanyak RM12.8 juta berbanding pada tahun sebelumnya sekitar RM47.2 sahaja. Daripada jumlah agihan zakat tersebut, sebanyak RM27.001 juta telah diagihkan untuk asnaf Fakir dan Miskin, RM2.102 juta untuk asnaf Muallaf, RM0.377 juta untuk asnaf Ghorimin, RM0.648 juta dibelanjakan untuk asnaf Ibnu Sabil, RM22.914 juta dibelanjakan di bawah asnaf Fisabilillah dan bakinya RM6.958 juta digunakan untuk asnaf Amil.

Fokus utama MAIPk dari sudut pengagihan zakat bagi tahun 2009 adalah mereka yang terdiri dari asnaf Fakir dan Miskin dan asnaf Fisabilillah. Pengagihan untuk asnaf Fakir dan Miskin mencatatkan jumlah tertinggi berbanding asnaf yang lain. Melalui dana yang dikumpul MAIPk telah merangka pelbagai bentuk program pembangunan asnaf dengan menyediakan pelbagai skim bantuan dan pembiayaan yang berhubungkait dengan aktiviti-aktiviti pembangunan sosial, modal insan, ekonomi serta pendidikan dengan harapan akan memberi impak yang besar kepada pembangunan sosio-ekonomi Ummat Islam.

Secara keseluruhannya pengagihan kepada lapan asnaf ini telah mencapai 93.7 peratus daripada sasaran agihan bagi tahun 2009 iaitu sebanyak RM64 juta. Peningkatan jumlah agihan ini adalah usaha berterusan MAIPk dalam mengimbangi masalah kemiskinan negeri Perak.

AGENDA PEMBASMIAN KEMISKINAN

MAIPk adalah merupakan salah satu institusi terpenting yang terlibat secara langsung di dalam agenda pembasmian kemiskinan. Untuk menjayakan agenda ini, kewujudan beberapa program yang komprehensif dan kerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan seperti Pejabat Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Program komprehensif bagi menjayakan agenda pembasmian kemiskinan telah diwujudkan seperti program Skim Bantuan Modal, Skim Bantuan Bulanan, Skim Bantuan Pendidikan dan Persekolahan dan Skim Bantuan Membina dan Membaikpulihan Rumah. Sebagai contoh, program Skim Bantuan Modal diwujudkan di bawah asnaf Fakir dan Miskin bertujuan untuk menyediakan kemudahan dan peralatan kepada mana-mana individu yang fakir atau miskin untuk keluar dari kepompong kemiskinan. MAIPk bukan sahaja menyediakan kemudahan dan peralatan untuk berniaga, bahkan MAIPk juga bekerjasama dengan institusi pendidikan untuk memberikan ilmu dan kemahiran kepada individu-individu tersebut. Pemantauan juga dilakukan oleh MAIPk bagi memastikan bahawa individu-individu mencapai kejayaan dan tidak perlu lagi mengharap bantuan daripada MAIPk.

Kerjasama di antara MAPk dengan jabatan dan agensi kerajaan bagi menangani kemiskinan dapat dilihat menerusi program eKasih (Sistem Pangkalan Data Nasional). eKasih mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai keluarga yang berada di dalam kumpulan miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Dengan data yang dikumpulkan ini, agensi-agensi yang memberi bantuan seperti MAIPk dapat melaksanakan peranan untuk membasmi kemiskinan.

Dalam soal ini, MAIPk telah menggerakkan semua Pejabat Baitulmal Daerah di Negeri Perak untuk memberikan tumpuan kepada program ini. Sehingga kini seramai 144 ketua isi rumah (KIR) yang termasuk di dalam kumpulan miskin tegar dan 343 orang yang tergolong dalam kumpulan miskin telah diberi bantuan. Selain daripada itu, MAIPk turut memberi bantuan bulanan kepada seramai 4,852 keluarga fakir miskin yang tidak disenaraikan di dalam eKasih.

PENGURUSAN WAKAF DAN MAL YANG DINAMIK

Pengurusan wakaf dan mal telah juga memperlihatkan hasil yang menggalakkan. Bagi membolehkan harta wakaf dan mal diuruskan dengan lebih komprehensif dan efektif, MAIPk telah berusaha mewujudkan e-hartanah khusus untuk mengemaskini data-data sedia ada. Sistem yang dibangunkan ini mencakupi pelbagai aspek baik dari segi data butiran hartanah MAIPk, maklumat pembangunan termasuklah urusan berkaitan sewaan, pajakan dan hasil-hasil Sumber Am serta Wakaf yang diperolehi oleh MAIPk. Dalam masa yang sama, MAIPk juga telah membangunkan sistem e-kontraktor yang bertujuan untuk memastikan pemilihan kontraktor untuk membina rumah di bawah program bantuan rumah asnaf fakir dan miskin dijalankan secara telus dan sistematik.

Bagi memajukan tanah-tanah yang berpotensi pihak MAIPk telah mengambil pelbagai inisiatif, antaranya termasuklah menyewa dan memajak tanah bagi satu-satu tempoh, menjalankan usahasama dengan agensi dan badan tertentu di samping membangunkannya dengan inisiatif sendiri. Sebagai contoh, tanah-tanah wakaf yang diperolehi melalui anugerah kerajaan negeri sebelum ini telah menjana hasil daripada projek tanaman komersil seperti di Wilayah Lekir seluas 323 ekar yang kini diusahakan penanaman kelapa sawit oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPk). Bagi merencanakan usaha pembangunan tanah, pihak MAIPk sentiasa membuka peluang untuk bekerjasama dengan semua pihak. Namun begitu, keutamaan diberikan kepada pihak PKEINPk yang mempunyai perkaitan langsung dengan usaha MAIPk bagi menjana pembangunan ekonomi umat Islam khususnya di negeri ini.

Selain bidang perladangan, MAIPk juga memiliki bangunan premis-premis perniagaan dan kediaman yang kebanyakan disewa dan menjadi hasil sumber am dan wakaf. MAIPk amat berterima kasih dan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada para pewakaf yang telah bermurah hati mewakafkan harta mereka dalam bentuk tanah, bangunan perniagaan serta kediaman bagi membolehkan ianya dimanfaatkan untuk kepentingan ummah. Sehingga akhir tahun 2009, pihak MAIPk mengendali dan menguruskan lebih daripada 130 buah premis perniagaan dan kediaman di seluruh negeri Perak. Premis-premis ini disewakan dan menjana sebahagian besar hasil sumber am dan wakaf.

Selain menerima pemberian atau anugerah dari pihak persendirian, MAIPk juga kini mengorak langkah proaktif bagi memiliki aset hartanah komersil dengan cara membeli hartanah yang berdaya maju. Pada tahun 2009 sahaja, pihak MAIPk telah berjaya membeli sebanyak enam unit kedai dua dan tiga tingkat di kawasan pembangunan Bercham Raya, Ipoh, satu unit kedai 3 tingkat di Silibin, satu unit banglo (wakaf am) di Manjoi dan satu unit rumah teres 2 tingkat di Pasir Puteh, Ipoh. Pemilikan aset hartanah bernilai komersil ini selain membantu MAIPk menjana pendapatan hasil sewa, ianya juga membuka peluang perniagaan kepada usahawan muslim untuk bersaing di kawasan-kawasan strategik.

Bagi mengoptimalkan lagi kegunaan tanah-tanah wakaf yang ada, pihak MAIPk telah menjalin kerjasama yang erat dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia. Melalui peruntukan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9), tanah wakaf yang berpotensi untuk pembangunan komersil telah dikenalpasti. Pada tahun 2009, dengan kerjasama JAWHAR serta berkat doa umat Islam, MAIPk telah melibatkan diri di dalam membangunkan dua (2) projek di atas tanah wakaf iaitu projek pembinaan hotel lima tingkat (fasa 1) di bandar Taiping yang dijangka siap pada Mac 2011 dan pembinaan 4 unit rumah kedai 2 tingkat di pekan Tambun, Ipoh yang telah siap sepenuhnya kini pada Jun 2010. Nilai kedua-dua projek dianggarkan berjumlah RM16.7 juta. Adalah diharapkan dengan wujudnya perkongsian pintar sebegini akan membuka mata dan minda semua pihak untuk melihat potensi wakaf yang sebenar di dalam memacu pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

Selain itu, dalam tahun 2009 juga pihak MAIPk telah berjaya menyiapkan sebuah kompleks Anak-anak Yatim di Meru Raya yang lengkap dengan kemudahan asrama, pejabat pentadbiran, dewan solat, padang permainan dan kemudahan lain yang bernilai RM2.8 juta. Dengan adanya sebuah kompleks yang boleh menempatkan seramai 150 penghuni ini akan menjadi mercu tanda satu lagi kejayaan institusi wakaf dalam negeri ini.

Sebagai langkah memantapkan lagi pengurusan hartanah MAIPk, terutama dalam bidang wakaf pihak MAIPk kini sedang menyediakan enakmen wakaf yang komprehensif. Draf cadangan enakmen telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-undang untuk semakan dan tindakan lanjut. Adalah menjadi harapan MAIPk agar enakmen wakaf ini akan dapat membantu melancarkan pelaksanaan pentadbiran, pembangunan, pemeliharaan dan kemasyarakatan wakaf dalam negeri Perak.

PELABURAN

Bagi memantapkan sumber kewangan, MAIPk turut mempergiatkan usaha meningkatkan pendapatan sumber am baitulmal dengan mempelbagaikan sumber perolehan dana alternatif. Antaranya ialah penglibatan aktif dalam aktiviti pelaburan berasaskan prinsip pematuhan syariah. Sehingga 31 Disember 2009, nilai pelaburan MAIPk mencecah RM74.18 juta. Daripada jumlah tersebut, RM3.71 juta merupakan pelaburan dalam portfolio saham ekuiti, RM20.09 juta merupakan pelaburan dalam saham sekuriti manakala, selebihnya RM50.38 juta lagi merupakan pelaburan di bawah skim al-mudharabah berbentuk simpanan tetap yang berlandaskan syariah. Walaupun berhadapan dengan kemelut persekitaran ekonomi yang masih tidak menentu, kesemua pelaburan MAIPk telah berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.07 juta. Pendapatan ini secara langsungnya telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap peningkatan pungutan hasil dana sumber am baitulmal bagi tahun 2009.

Pihak Pengurusan MAIPk sentiasa mengambil pendekatan yang proaktif dan inovatif dalam meneroka peluang-peluang pelaburan yang baru khususnya pelaburan berbentuk kewangan selain pelaburan konvensional berbentuk fizikal umpamanya pelaburan hartanah ("*real property*") yang berisiko tinggi dan berkecairan rendah. Selain daripada itu, menerusi pelan pengurusan kewangan yang berkesan, pihak Pengurusan MAIPk berupaya mengoptimalkan rizab simpanan tunai sedia ada dengan memanfaatkan kepelbagaian instrumen kewangan di pasaran khususnya pelaburan berisiko rendah yang mampu memberikan pulangan yang lumayan di samping mengekalkan tahap kecairannya bagi memudahkan penyediaan aliran tunai dibuat mengikut keperluan semasa. Kegiatan pelaburan sebegini berupaya meningkatkan keupayaan dana sumber am baitulmal serta mengurangkan kebergantungan terhadap sumber zakat dalam membiayai program-program yang telah dirangka.

MENINGKATKAN USAHA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Sejak penstrukturan semula organisasi MAIPk pada Februari 2004, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada ke tahap yang maksimum. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan ialah dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga MAIPk melalui latihan dan lawatan. Selain daripada itu, MAIPk juga turut menyediakan persekitaran pekerjaan yang berkualiti dan kondusif bagi membolehkan warga MAIPk dan pelanggan sentiasa selesai semasa berurusan di kaunter.

Bagi mengukuhkan jentera pentadbiran MAIPk, Persidangan Majlis Kali Ke-165 bertarikh 16 Mac 2009 telah mengambil satu langkah yang drastik dengan meluluskan cadangan pindaan kepada enakmen pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Persidangan MAIPk tersebut telah bersetuju supaya jawatan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk diasingkan daripada jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dan diwujudkan secara eksklusif. Ini bermakna Pengarah JAIPk tidak lagi memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk secara automatik sebagaimana amalan yang berlangsung sejak tahun 1992. Pindaan enakmen pentadbiran tersebut telah diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 28 Oktober 2009.

laporan operasi

Dalam pada itu, pengurusan MAIPk telah melaksanakan pengambilan pekhidmat MAIPk bagi menampung keperluan dan bebanan tugas yang kian mencabar di ibu pejabat dan daerah di samping sebagai tindakan responsif kepada teguran dan pandangan pihak Jabatan Audit Negara. Antara jawatan yang diisi pada tahun 2009 ialah Pegawai Baitulmal Daerah, Penolong Akauntan Gred, Pembantu Tadbir (Kewangan) dan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi).

Pelaksanaan imej pejabat berciri korporat telah sempurna dilaksanakan di ibu pejabat MAIPk pada tahun 2007 dan mendapat reaksi positif daripada pelanggan dan warga MAIPk sendiri. Pengurusan MAIPk berpandangan pengubahsuaian pejabat dan pengenalan imej korporat bukan sahaja dapat meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan MAIPk, bahkan dapat menyediakan persekitaran pekerjaan yang berkualiti, kondusif dan menaikkan motivasi warga MAIPk. Pada tahun 2009, imej korporat MAIPk dikembangkan ke daerah pentadbiran MAIPk, dirintis dengan Pejabat Pentadbiran MAIPk Taiping. Pengubahsuaian pejabat ini telah membawa perubahan imej secara total dan memberi impak yang positif. Pejabat pentadbiran daerah MAIPk yang turut terlibat di dalam pengubahsuaian adalah Pejabat MAIPk Manjung, Bagan Serai dan Kuala Kangsar.

Dalam usaha memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan anggota MAIPk, pengurusan MAIPk mengambil pendekatan memberi latihan berterusan bagi peningkatan kualiti perkhidmatan. Sebanyak lapan kursus telah dijalankan secara *in-house* yang melibatkan pelbagai lapisan pekhidmat dan penyertaan satu kursus anjuran perunding luar bagi pemandu kenderaan MAIPk. Di bawah Bajet 2009, aspek latihan mendapat peruntukan sebanyak RM120,000 dan daripada jumlah tersebut, RM117,772.00 atau 98.14 peratus telah dibelanjakan.

Sebagai tindakan responsif kepada masalah kelewatan memproses permohonan dan kekurangan maklumat di dalam pangkalan data, MAIPk menerapkan penggunaan optimum komputer di kalangan warga MAIPk. Bagi maksud tersebut, sebanyak empat siri kursus komputer dan satu siri kursus Sistem Kewangan *Peachtree* telah dilaksanakan pada tahun 2009 yang melibatkan 21 pekhidmat kumpulan pengurusan dan profesional dan 84 pekhidmat kumpulan sokongan. Di samping itu, sistem komputer sedia ada iaitu Sistem Pengurusan Zakat Berkomputer (SPZB) telah dimantapkan. Beberapa siri bengkel telah dilaksanakan dan hasilnya modul e-Agihan berjaya diperkenalkan bagi meningkatkan proses pengagihan bantuan kepada asnaf.

MEMACU MASA DEPAN/MELANGKAH KE HADAPAN

Sebagai sebuah organisasi yang penting dan dinamik, keperluan meningkatkan keupayaan setiap warga organisasi agar bergerak sejajar dengan kehendak *stakeholders* perlu sentiasa diberi perhatian yang serius. Dalam hal ini, usaha memantapkan budaya kerja cemerlang dan keinginan untuk sentiasa maju perlu diterapkan di dalam setiap gerak nadi warga MAIPk selaras dengan visi MAIPk iaitu menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan Al-Quran.

Pengurusan MAIPk sentiasa peka dengan tuntutan semasa dan ekspektasi pelanggan dalam memberikan perkhidmatannya. Justeru, perubahan paradigma lama kepada budaya yang lebih kreatif dan inovatif dan bertujungkan kecemerlangan akan dilaksanakan melalui penyemakan semula norma dan proses kerja sedia ada, pemantapan prosedur kewangan, penelitian terhadap peruntukan undang-undang dan penyeragaman peraturan pejabat kepada semua pejabat daerah. Selain daripada itu, kepelbagaian kemahiran (multi-skilling) di kalangan warga kerja MAIPk dalam menjalankan tugas akan dijadikan pra-syarat ke arah menjadikan perkhidmatan yang lebih proaktif dan berwibawa. Pengurusan MAIPk juga akan sentiasa berusaha memantapkan pembangunan sumber manusia selaras dengan bebanan tugas dan perubahan persekitaran. Perancangan strategik dalam jangkamasa panjang dan keperluan sumber manusia yang tepat merupakan arah tuju pihak pengurusan MAIPk bagi membuat lonjakan dalam pencapaiannya.

■ PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Bagi memastikan pentadbiran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dikendalikan secara cekap, profesional, telus dan bertanggungjawab, di bawah ini dibentangkan penyata bagaimana pentadbiran MAIPk melaksanakan tadbir urus korporat berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

ANGGOTA MAIPk

MAIPk diterajui dan ditadbir oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu umpamanya dalam bidang keagamaan, ekonomi, kewangan, perkhidmatan awam dan pentadbiran korporat. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan tadbir urus korporat MAIPk termasuklah penetapan hala tuju, matlamat dan sasaran yang perlu dicapai oleh pihak pengurusan. Selain itu, Anggota MAIPk juga bertanggungjawab dalam merangka pelan perancangan strategik, menggubal dasar serta membuat apa-apa ketetapan dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam di Negeri Perak, menerusi persidangan yang diadakan dengan kekerapan sekurang-kurangnya empat kali setahun.

KOMPOSISI ANGGOTA MAIPk

MAIPk dianggotai seramai 22 orang (2009: diisi 18 orang), berdasarkan peruntukan di bawah subseksyen 11(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, mengikut komposisi berikut;

- Seorang Yang Dipertua (2009: disandang oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan);
- Seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam (2009: disandang oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak);
- Lima orang anggota kanan Kerajaan Negeri iaitu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah; dan
- Tidak lebih 15 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya lima daripadanya hendaklah arif dalam Hukum Syarak (2009: diisi seramai sebelas orang, lima daripadanya Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak).

SETIAUSAHA MAIPk

Peruntukan subseksyen 16(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan) 2009 menyatakan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif bagi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan. Ketua Pegawai Eksekutif menjadi Setiausaha MAIPk dan Pentadbir MAIPk dipertanggungjawabkan untuk menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk serta mengepalai pekhidmat awam MAIPk.

penyata tadbir urus korporat

PERSIDANGAN MAIPK

Pada tahun kewangan 2009, Anggota MAIPK telah bersidang sebanyak empat kali. Sebahagian besar anggota telah mematuhi keperluan kehadiran sebagaimana ditetapkan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota MAIPK ke Persidangan MAIPK yang telah diadakan:

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah <i>D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)</i> <i>Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	4/4
Y.A.B. Dato' Seri Dr. Zambry bin Abd. Kadir <i>S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.S.</i> <i>Menteri Besar Perak Darul Ridzuan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Agama</i>	4/4
Y.B. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim <i>S.P.M.P., D.P.C.M., PCM.</i> <i>Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	3/4
Y.B. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid <i>D.P.C.M.</i> <i>Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	3/4
Y.B. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad <i>D.P.C.M., D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T.</i> <i>Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	4/4
Y.A.Bhg. S.S. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria <i>P.S.M., D.S.A., S.P.M.P., D.P.M.P., J.S.M., A.M.N., P.K.T., P.J.K.</i> <i>Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	3/4
Y.Bhg. Tuan Haji Mohd. Rahim bin Haji Abdullah <i>A.M.P.</i> <i>Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak</i>	4/4
Y.Bhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Haji Mansor <i>D.P.M.P., A.M.P.</i> <i>Setiausaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	4/4
Y.A.Bhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain <i>S.P.M.P., P.C.M., A.M.P., A.M.N., P.J.K., J.P.</i> <i>Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar</i>	3/4
Y.A.Bhg. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Seri Haji Abdul Malik bin Haji Noordin <i>S.P.M.P., D.P.M.P., P.P.T., J.P.</i> <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	0/4
Y.Bhg. Dato' Ismail bin Shah Bodin <i>D.P.M.P., J.S.M., P.A.T., P.M.P., A.M.P., A.M.N.</i> <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	4/4
Y.A.Bhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini <i>D.S.A., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.P., D.J.M.K., P.M.P., A.M.P.</i> <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	3/4

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN
<p>Y.D.H. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan <i>P.M.P., D.N.S., P.P.P., B.S.K., A.N.S., H.T.S., J.P.</i> <i>Orang Besar Jajahan Manjung</i></p>	4/4
<p>Y.D.H. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah <i>D.P.S.K., D.P.T.S., J.S.M.</i> <i>Ketua Polis Negeri Perak Darul Ridzuan</i></p>	4/4
<p>Y.A.Bhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin <i>P.S.M., D.P.M.P., P.M.P., K.M.N., J.P.</i></p>	3/4
<p>Y.Bhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad <i>D.P.M.P.</i> <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i></p>	2/4
<p>Y.Bsr. Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara <i>A.M.P.</i> <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i></p>	3/4
<p>Y.Bsr. Tuan Haji As'ad bin Awang <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i></p>	4/4
<p>Y.Bsr. Tuan Haji Abdul Majid bin Zainal Abidin <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i></p>	4/4
<p>Y.Bhg. Dato' Dr. Sidek bin Haji Fadzil <i>D.P.M.P., P.C.M.</i> <i>Presiden Kolej Darul Hikmah</i></p>	4/4
<p>Y.Bhg. Professor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain <i>P.S.D., P.M.P.</i> <i>Rektor Kolej Islam Darul Ridzuan</i></p>	3/4
<p>Y.Bhg. Professor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed <i>D.P.M.P., D.J.N.</i> <i>Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Asia e University</i></p>	3/4

JAWATANKUASA MAIPK

MAIPK telah melantik beberapa buah jawatankuasa, yang beroperasi dalam lingkungan bidang tugas tertentu yang telah ditetapkan untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya. Berikut disenaraikan Jawatankuasa-Jawatankuasa utama di bawah MAIPK;

a) *Jawatankuasa Fatwa*

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, serta dianggotai oleh lapan ulama tersohor negeri ini yang arif dalam hukum syarak.

Bidang tugas dan tanggungjawab utama jawatankuasa ini ialah menyediakan nas-nas mengenai sesuatu hukum berhubungan dengan apa-apa isu atau permasalahan agama yang berbangkit, serta mengeluarkan fatwa mengenainya. Selain itu, ia juga berperanan untuk menasihati MAIPK dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran agama seperti penentuan fakir dan miskin, permohonan bagi mendapatkan kebenaran mendirikan masjid dan solat Jumaat, memperakukan pelantikan Imam dan Bilal, penentuan sempadan kariah, pentauliah mengajar agama, menemuduga calon Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk, serta mengawasi penuliran ajaran sesat di kalangan masyarakat Islam di negeri ini.

Sepanjang tahun 2009, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat kali. Sepanjang tempoh itu, empat puluh lima keputusan serta dua fatwa telah dikeluarkan dan diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

b) *Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan*

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan, serta dianggotai oleh sepuluh ahli lain dengan komposisi keahlian yang menggabungkan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan serta anggota pengurusan MAIPK.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini antara lainnya merancang, mengkaji, menimbang dan memperakukan sebarang cadangan pelaburan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal termasuklah cadangan pembangunan dan kemajuan hartanah yang akan dilaksanakan oleh MAIPK. Selain itu, ia juga berperanan memeriksa dan memperakukan bajet tahunan MAIPK sebelum diangkat untuk kelulusan Persidangan MAIPK, serta menimbangkan penyertaan MAIPK dalam mana-mana projek atau usahasama yang ditawarkan atau dianjurkan agensi-agensi lain sama ada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mahu pun swasta.

Sepanjang tahun 2009, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak tiga kali.

c) *Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi*

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, serta dianggotai oleh lima ahli lain dengan komposisi keahlian yang menggabungkan para Pegawai Kerajaan di kalangan kakitangan MAIPK dan JAIPK serta Anggota MAIPK.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini antara lainnya menimbangkan dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baru atau kes rayuan, di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah. Selain perbelanjaan di bawah peruntukan zakat, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM1 juta. Selain itu juga, jawatankuasa ini bertindak sebagai badan pengawal dan pemantau bagi pengurusan wakaf di negeri ini termasuklah kawalan selia, kawalan keselamatan, penyelenggaraan dan pungutan hasil wakaf.

Sepanjang tahun 2009, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak 19 kali.

d) Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha MAIPk, serta dianggotai oleh tujuh ahli yang lain dengan komposisi keahlian yang menggabungkan para Pegawai Kerajaan di kalangan kakitangan MAIPk dan JAIPk serta Anggota MAIPk.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah antaranya ialah menimbangkan dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan kes baru di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah dan tidak termasuk mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan permohonan bantuan. Selain perbelanjaan di bawah peruntukan zakat, jawatankuasa ini juga bertanggungjawab meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM10,000.00.

Sepanjang tahun 2009, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak tujuh kali.

e) Jawatankuasa Baitulmal Daerah

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Orang Besar Jajahan dan Pegawai Daerah bagi daerah yang berkaitan. Keanggotaan jawatankuasa ini secara puratanya antara empat hingga enam orang ahli melibatkan Pegawai Kerajaan di daerah yang berkaitan.

Bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah antaranya ialah menimbangkan dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sekaligus Ramadhan, Bantuan Persekolahan dan Bantuan Perubatan di bawah asnaf Fakir dan Miskin, Skim Bantuan Kewangan Bulanan di bawah asnaf Muallaf, Skim Tambang Perjalanan Domestik di bawah asnaf Ibnu Sabil, Skim Bantuan Bencana, Bantuan Kebajikan Anak Yatim dan Skim Sumbangan Kebajikan Pasukan Keselamatan di bawah asnaf Fisabilillah. Perbelanjaan yang dibenarkan untuk jawatankuasa ini tidak melebihi RM5,000.00.

Sepanjang tahun 2009, jawatankuasa ini secara puratanya telah menjalankan mesyuarat sebanyak 12 kali.

PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

MAIPk telah mewujudkan satu hubungan rasmi yang profesional dan telus dengan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) selaku juruaudit berkanun MAIPk. JANM telah melaporkan kepada pihak pengurusan MAIPk berkenaan penemuan-penemuan mereka menerusi surat teguran audit pada setiap tahun kewangan untuk perhatian dan tindakan pihak pengurusan MAIPk. Pendapat JANM terhadap kedudukan kewangan dan urusan kendalian MAIPk serta perkara-perkara yang didedahkan dalam Penyata Kewangan MAIPk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 telah dizahirkan menerusi Sijil Ketua Audit Negara yang dibentangkan pada muka surat _____.

PERISTIWA KORPORAT MAIPk 2009



01

Januari

01 19 – 21 Januari

Bengkel Perancangan Promosi Zakat di Hydro Majestic Hotel, Pulau Pinang.

02 28 – 30 Januari

Bengkel Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan 2009 dan Sasaran Kerja Tahunan 2010 di Residence Hotel, Kajang, Selangor.

Februari

03 17 Februari

Muzakarah Zakat Pendapatan yang dianjurkan oleh Bahagian Zakat di Hotel Heritage, Ipoh.

04 25 – 26 Februari

Kursus Sistem Open Office untuk kakitangan MAIPk di Makmal Komputer, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

05 27 Februari

Majlis Penyerahan Zakat oleh Agro Bank bersama Tan Sri Dato' Seri Mufti Kerajaan Negeri Perak Perak Darul Ridzuan.



02



04

Mac

06 4 Mac

Pemurnian dan Penyelarasan *Key Performance Indicator* antara Agensi-agensi Agama Negeri Perak Darul Ridzuan.

07 16 Mac

Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan perasmian pelancaran m-Zakat.



06



07



09



10



11



12

08 16 Mac

Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke 165.

09 23 – 27 Mac

Induksi khusus untuk kakitangan baru MAIPk.

10 31 Mac – 2 April

Program motivasi 'Kesedaran Pencetus Perkasa Diri'.

April

11 20 – 22 April

Bengkel Pengstruktur Semula Perjawatan MAIPk.

12 28 – 30 April

Kembara Zakat di Zon Hulu Perak (Kuala Kangsar, Lenggong, Grik dan Pengkalan Hulu).

Mei

13 14 Mei

Muzakarah Zakat Tanaman yang dianjurkan oleh Bahagian Zakat di Hotel Heritage, Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Jun

14 2 Jun

Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke 166.

15 2 Jun

Majlis Penyerahan Cek Bantuan Dermasiswa Fisabilillah, Bantuan Perumahan dan Modal MAIPk yang disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan di Dewan Serbaguna INTIM, Perak.

peristiwa korporat MAIPk 2009



16



17



18



19

16 27 Jun

Majlis Penyerahan Cek Bantuan Dermasiswa Fisabilillah MAIPk di Dewan Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan.

18 3 Ogos

Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke 167.

19 7 - 21 Ogos

Bulan Berzakat Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan.



20

17 3 Ogos

Konvokesyen Diploma Tahfiz Al-Quran dan Diploma Pengurusan Masjid yang diadakan di Institut Tadbiran Islam Negeri Perak anjuran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan kerjasama Asia e University.

20 24 Ogos

Majlis Taklimat dan Ramah Mesra Pelajar-Pelajar Perak Ke Negara Mesir dan Jordan di Dewan Serbaguna, Institut Tadbiran Islam Negeri Perak.

21 26 Ogos

Majlis Penyampaian Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1430H yang disempurnakan oleh DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan.



21

September

22 7 September

Majlis Penyerahan Zakat Etiqa Takaful bersama Tan Sri Dato' Seri Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.

23 8 September

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan bersama DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan di Dewan Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan.



23



25



28



29



30

Oktober

24 8 Oktober

Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke 168.

25 16 Oktober

Bengkel Muslimah Anggun yang dirasmikan oleh Datin Seri Faridah binti Din isteri kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di Dewan Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan.

26 24 Oktober

Majlis Menandatangani Perjanjian Pelantikan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai Agen Kutipan Zakat.

November

27 12 – 14 November

Program Pemantapan Prosedur Agihan Zakat MAIPk di Pulau Langkawi, Kedah.

28 21 – 22 November

Kursus Amil Profesional yang dianjurkan oleh Bahagian Zakat di Hotel Heritage, Cameron Highland, Pahang.

Disember

29 3 – 6 Disember


Lawatan Sambil Belajar kakitangan MAIPk ke Bahagian Baitulmal, Sarawak.

30 23 Disember

Majlis Menandatangani Perjanjian Penubuhan Klinik Waqaf An-Nur usahasama di antara Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd..


ANALISA KEWANGAN 10 TAHUN

Carta Pungutan Zakat 10 Tahun (2000-2009)




Tahun	Pungutan Zakat (RM)
2000	20,462,078.46
2001	20,737,734.01
2002	20,404,989.18
2003	21,978,548.73
2004	25,756,314.85
2005	27,850,742.88
2006	33,935,660.72
2007	40,802,916.30
2008	57,589,767.71
2009	62,285,131.39

Carta Agihan Zakat 10 Tahun (2000-2009)




Tahun	Pungutan Zakat (RM)
2000	19,709,265.46
2001	16,789,099.39
2002	17,398,979.78
2003	18,293,064.86
2004	20,373,358.22
2005	22,370,493.68
2006	25,797,460.29
2007	28,450,264.13
2008	47,209,215.12
2009	59,502,537.79

Carta Perbelanjaan Sumber Am 10 Tahun (2000-2009)



Tahun	Pungutan Zakat (RM)
2000	4,868,999.36
2001	2,918,107.88
2002	2,806,504.87
2003	2,513,820.17
2004	3,210,978.62
2005	2,840,749.31
2006	2,977,464.52
2007	3,579,236.10
2008	3,654,294.60
2009	4,407,584.64


Carta Pungutan Zakat Mengikut Kategori 10 Tahun (2000-2009)



PENDAPATAN

Zakat Fitrah	7,618,393.00	7.62 juta
Zakat Harta	29,909,971.71	29.91 juta
Zakat Perniagaan	22,114,106.25	22.11 juta
Zakat Tanaman	2,642,660.43	2.64 juta
Keuntungan Bank	62,316.49	0.06 juta
Jumlah Pendapatan	62,347,447.88	62.34 juta


Carta Pungutan Sumber Am Mengikut Kategori 10 Tahun (2000-2009)



PENDAPATAN

Sewaan harta	1,925,089.41	1.93 juta
Baitulmal am	903,664.98	0.90 juta
Keuntungan pelaburan	1,408,248.60	1.41 juta
Hasil faraid	283,501.61	0.28 juta
Pendapatan tertunda	181,024.75	0.18 juta
Pelbagai pendapatan	1,176,009.25	1.18 juta
Jumlah Pendapatan	5,877,538.60	5.88 juta

Carta Perbelanjaan Sumber Am Mengikut Kategori 10 Tahun (2000-2009)



AGIHAN ASNAF

Emolumen	477,494.63	0.48 juta
Perkhidmatan & bekalan	2,760,677.55	2.76 juta
Perbelanjaan lain	620,922.18	0.62 juta
Susutnilai	548,490.28	0.55 juta
Jumlah Agihan Asnaf	4,407,584.64	4.41 juta



Penyata Kewangan

- 42 Sijil Ketua Audit Negara
- 43 Laporan Ketua Audit Negara
- 44 Penyata Anggota MAIPk
- 45 Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Keatas
Pengurusan Kewangan MAIPk
- 46 Lembaran Imbangan
- 47 Penyata Pendapatan Zakat
- 48 Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal
- 48 Penyata Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal
- 50 Penyata Aliran Tunai
- 51 Nota-nota Kepada Penyata Kewangan




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Kecuali apa yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 JANUARI 2011



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Hartanah, Loji Dan Peralatan – RM65.56 juta

Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sejumlah amaun yang dinyatakan sebagai tambahan tanah milik bebas (nilai) sebanyak RM17.98 juta pada 31 Disember 2009. Tiada sebarang dokumen sokongan dikepulkan bersama jurnal pelarasan tambahan tanah milik bebas berkenaan dan pihak Majlis menggunakan kaedah transaksi jurnal pelarasan imbalan ("*balancing adjustment*").

2.2 Penghutang – RM1.10 juta

Jumlah penghutang pada 31 Disember 2009 tidak dapat disahkan kerana perbezaan baki awal penghutang pada Senarai Tunggakan. Kad Daftar juga tidak dikemaskini menyebabkan perbezaan pada baki tunggakan yang dinyatakan pada Jadual Tunggakan Sewa.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 JANUARI 2011



PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**, PSM, DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK., dan **Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**, DPMP., AMP., yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2009 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



**DATO' HAJI MOHAMAH NOR BIN MANSOR
(DPMP., AMP.)**


Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
Mufti Kerajaan Negeri Perak

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 30 Ogos 2010



**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI
BIN HAJI ZAKARIA
(PSM., DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK.)**

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Saya, **Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Zakat, Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Baitulmal dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, No. Kad Pengenalan 611206-08-6093**, di **Ipoh, Perak Darul Ridzuan**, di hadapan saya,

pada 30 Ogos 2010



No. 5, (Tingkat Atas)
Bangunan Stesyen Keretapi
Jln. Penglima Bkt Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak.

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
HARTA			
Harta bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	65,563,069	49,496,007
Kerja dalam pelaksanaan	4	1,896,830	508,586
Pelaburan	5	3,714,000	3,714,000
Sekuriti pelaburan	6	15,141,324	9,141,324
		86,315,223	62,859,917
Harta semasa			
Pertaruhan, pendahuluan dan pinjaman	7	901,396	614,765
Penghutang	8	1,100,747	537,319
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	9	56,256,213	56,083,235
Wang tunai di tangan dan di bank	10	19,925,617	31,067,887
		78,183,973	88,303,206
JUMLAH HARTA		164,499,196	151,163,123
EKUITI DAN LIABILITI			
Kumpulan wang dan rizab			
Kumpulan wang Baitulmal	11	105,049,508	110,021,146
Sumbangan Kerajaan Negeri	12	3,558,909	3,739,934
Tabung pinjaman kakitangan	13	300,000	300,000
Rizab modal	14	50,255,864	34,480,302
Jumlah ekuiti		159,164,281	148,541,382
Liabiliti bukan semasa			
Pinjaman jangka panjang	15	525,000	–
Liabiliti semasa			
Pertaruhan	16	167,407	106,407
Pemiutang	17	4,642,508	2,515,334
Jumlah liabiliti		5,334,915	2,621,741
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		164,499,196	151,163,123

Lembaran Imbangan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat XX hingga XX

■ PENYATA PENDAPATAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN			
Zakat Fitrah		7,618,393	7,789,909
Zakat Harta		29,909,972	25,632,541
Zakat Perniagaan		22,114,106	23,077,357
Zakat Tanaman		2,642,660	1,227,406
Keuntungan bank		62,317	231,804
		62,347,448	57,959,017
AGIHAN ASNAF			
Amil	18	6,588,607	6,187,905
Fakir dan Miskin		26,678,035	19,439,488
Muallaf		2,102,258	1,466,084
Ghorimin		377,941	138,005
Ibnu Sabil		648,700	341,301
Fisabilillah	19	23,106,997	19,636,432
		59,502,538	47,209,215
Lebihan pendapatan		2,844,910	10,749,802

Penyata Pendapatan Zakat di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat XX hingga XX.

■ PENYATA PENDAPATAN SUMBER AM BAITULMAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
PENDAPATAN			
Sewaan harta		1,925,089	1,115,870
Baitulmal am		903,665	1,026,370
Keuntungan pelaburan		1,408,249	1,576,541
Hasil faraid		283,502	104,644
Pendapatan tertunda	12	181,025	181,025
Pelbagai pendapatan		1,176,009	1,581,168
		5,877,539	5,585,618
PERBELANJAAN			
Emolumen		477,495	405,379
Bekalan dan perkhidmatan		2,760,678	2,114,844
Perbelanjaan lain		620,922	487,649
Pembangunan Wakaf		-	1,732
Susut nilai	3	548,490	644,691
		4,407,585	3,654,295
Lebihan pendapatan		1,469,954	1,931,323

Penyata Pendapatan di atas hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan pada muka surat XX hingga XX.

PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG BAITULMAL BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
KUMPULAN WANG BAITULMAL			
Baki terkumpul pada 1 Januari		110,021,146	93,905,567
(Kurangan)/Lebih pendapatan		(5,278,299)	23,153,484
Pelarasan tahun lalu		306,661	(7,037,905)
Baki terkumpul pada 31 Disember		105,049,508	110,021,146
KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI DARIPADA :			
Zakat		87,500,147	84,647,907
Wakaf		3,797,156	4,241,075
Sumber Am		11,976,026	10,206,741
Amanah		1,776,179	10,925,423
		105,049,508	110,021,146

Nota-nota dinyatakan pada muka surat XX hingga XX merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI OPERASI			
Lebihan/ (Kekurangan) pendapatan :			
- Zakat		2,844,910	10,749,802
- Wakaf		(443,919)	431,132
- Sumber Am		1,469,954	1,931,323
(Pengurangan)/Tambahan dalam dana Amanah		(9,149,244)	10,041,227
Pelarasan tahun lalu		306,661	(7,037,905)
		(4,971,638)	16,115,579
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai:			
- Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(900)	-
- Susut nilai		818,170	772,819
		(4,154,368)	16,888,398
(Kenaikan) dalam pertaruhan, pendahuluan dan pinjaman		(286,631)	(59,622)
(Kenaikan)/Penurunan dalam penghutang		(563,428)	407,625
Kenaikan dalam pertaruhan		61,000	5,600
Kenaikan dalam pemiutang		2,127,174	509,158
(Penurunan) dalam sumbangan Kerajaan Negeri		(181,025)	(181,025)
Kenaikan dalam pinjaman jangka panjang		525,000	-
Aliran tunai (untuk)/daripada operasi		(2,472,278)	17,570,134
ALIRAN TUNAI PELABURAN			
Perolehan hartanah, loji dan peralatan		(1,108,770)	(454,441)
Bayaran kemajuan kerja dalam pelaksanaan		(1,388,244)	(508,586)
Tambahan dalam sekuriti pelaburan		(6,000,000)	(7,500,000)
Aliran tunai untuk pelaburan		(8,497,014)	(8,463,027)
(Pengurangan)/ Pertambahan dalam tunai dan kesetaraan tunai		(10,969,292)	9,107,107
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		87,151,122	78,044,015
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	20	76,181,830	87,151,122

Nota-nota dinyatakan pada muka surat XX hingga XX merupakan sebahagian daripada akaun ini.

■ NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') ialah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Aktiviti utama Majlis ialah menganjur, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan pentadbiran masyarakat Islam berpandukan hukum-hukum Syarak di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Asas perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak hukum syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersirat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada piawaian-piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan yang disediakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("Malaysian Accounting Standards Board") – MASB.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

b) Pengiktirafan pendapatan

Semua hasil diambil kira berasaskan tunai, kecuali hasil daripada sewaan harta yang diiktiraf berdasarkan kaedah akruan.

c) Tanah dan penilaian

Tanah milik bebas dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal.

nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 disember 2009

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

d) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Kesemua item di bawah hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Tanah milik bebas tidak diperlunaskan kerana tempoh usia guna yang tidak terbatas, manakala, tanah milik pajakan diperlunaskan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Susut nilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan atas dasar garis lurus untuk menghapuskan kos dalam jangka hayat kegunaan harta-harta tersebut pada kadar tahunan berikut:-

	Kadar Tahunan
Bangunan-bangunan kekal	2.50%
Bangunan-bangunan sementara	10.00%
Kenderaan	20.00%
Jentera pencetak dan mesin	10.00%
Perkakas dan alatan pejabat	20.00%

e) Sumbangan Kerajaan Negeri

Sumbangan Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan harta tetap diambil kira sebagai pendapatan tertunda yang diperuntukkan kepada pendapatan atas jangka hayat harta-harta tetap berkenaan.

f) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk wang dalam perpindahan yang masih dipegang oleh pejabat-pejabat pentadbiran daerah yang belum dipindahkan ke akaun ibu pejabat.

g) Penghutang

Penghutang dan lain-lain penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh realis. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah kajian dibuat ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh Lembaran Imbangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

h) Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal. Peruntukan rosot nilai tetap saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2009 Butiran	Kos/Nilaian pada 1.1.2009 RM	Tambahan/ (Pelupusan) RM	Kos/ Nilaian pada 31.12.2009 RM	Susut nilai terkumpul pada 1.1.2009 RM	Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM	Susut nilai terkumpul pada 31.12.2009 RM	Nilai buku pada 31.12.2009 RM
Tanah milik bebas:							
- kos	2,909,543	(2,200,000)	709,543	-	-	-	709,543
- nilaian	34,233,202	17,975,562	52,208,764	-	-	-	52,208,764
Tanah milik pajakan	202,050	-	202,050	46,481	2,066	48,547	153,503
Bangunan kekal:							
- Kompleks Islam D.R.	19,068,825	183,818	19,252,643	8,782,729	481,316	9,264,045	9,988,598
- Bangunan Baitulmal dan wakaf	2,640,737	752,513	3,393,250	1,301,011	84,831	1,385,842	2,007,408
Bangunan sementara	10,917	-	10,917	10,914	-	10,914	3
Kenderaan	597,439	-	597,439	474,173	60,349	534,522	62,917
Mesin dan jentera	283,449	-	283,449	283,440	-	283,440	9
Perkakas dan alatan pejabat	2,117,999	172,439	2,290,438	1,669,406	188,708	1,858,114	432,324
	62,064,161	16,884,332	78,948,493	12,568,154	817,270	13,385,424	65,563,069

nota-nota kepada penyata kewangan
bagi tahun berakhir 31 disember 2009

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

2008 Butiran	Kos/Nilai pada 1.1.2008 RM	Tambahan/ (Pelupusan) pada 31.12.2008 RM	Kos/ Nilai pada 31.12.2008 RM	Susut nilai terkumpul pada 1.1.2008 RM	Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM	Susut nilai terkumpul pada 31.12.2008 RM	Nilai buku pada 31.12.2008 RM
Tanah milik bebas:							
- kos	2,909,543	-	2,909,543	-	-	-	2,909,543
- nilaian	44,835,282	(10,602,080)	34,233,202	-	-	-	34,233,202
Tanah milik pajakan	202,050	-	202,050	44,415	2,066	46,481	155,569
Bangunan kekal:							
- Kompleks Islam D.R.	17,744,067	1,324,758	19,068,825	8,339,128	443,601	8,782,729	10,286,096
- Bangunan Baitulmal dan wakaf	2,640,737	-	2,640,737	1,234,993	66,018	1,301,011	1,339,726
Bangunan sementara	10,917	-	10,917	10,914	-	10,914	3
Kenderaan	597,439	-	597,439	383,578	90,595	474,173	123,266
Mesin dan jentera	283,449	-	283,449	283,440	-	283,440	9
Perkakas dan alatan pejabat	1,813,533	304,466	2,117,999	1,498,867	170,539	1,669,406	448,593
	71,037,017	(8,972,856)	62,064,161	11,795,335	772,819	12,568,154	49,496,007

Harta tetap bangunan kekal – Kompleks Islam Darul Ridzuan di atas, adalah diperolehi melalui sumber-sumber seperti berikut:-

- Pinjaman Jangka Panjang - telahpun diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2004.
- Sumbangan Kerajaan Negeri - diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan secara berskala berdasarkan kadar susut nilai seperti yang dijelaskan pada Nota 2 e) Kepada Penyata Kewangan di atas.

4. KERJA DALAM PELAKSANAAN

Ini merupakan bayaran kemajuan terkumpul bagi projek pengubahsuaian ruang pejabat zakat di pejabat Pentadbiran Majlis cawangan Manjung serta bayaran kemajuan bagi pembelian enam (6) unit bangunan kedai di Bercham, Ipoh.

5. PELABURAN

	2009 RM	2008 RM
Pada harga kos:		
Saham-saham tersiar harga di Malaysia	3,714,000	3,714,000
Nilai pasaran pada 31 Disember	5,697,600	4,476,240

6. SEKURITI PELABURAN

	2009 RM	2008 RM
Pada harga kos:		
Saham-saham amanah dan pelaburan berstruktur	15,141,324	9,141,324

7. PERTARUHAN, PENDAHULUAN DAN PINJAMAN

	2009 RM	2008 RM
Pertaruhan	294,748	294,749
Pinjaman kenderaan	165,672	232,478
Pinjaman komputer	22,669	25,032
Pelbagai pinjaman	65,039	59,239
Pelbagai pendahuluan	353,268	3,267
	901,396	614,765

nota-nota kepada penyata kewangan
bagi tahun berakhir 31 disember 2009

8. PENGHUTANG

	2009 RM	2008 RM
Sewa bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan	373,919	315,754
Sewa bangunan Baitulmal	915,707	410,444
Sewa tanah Baitulmal	4,067	4,067
Wang terlebih bayar	54,404	54,404
Wang yang belum diserahkan oleh Kadi	67,061	67,061
Pemiutang pelbagai	21,613	21,613
	1,436,771	873,343
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(336,024)	(336,024)
	1,100,747	537,319

9. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	2009 RM	2008 RM
Pelaburan di bawah skim pematuhan syariah	56,256,213	56,083,235

10. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2009 RM	2008 RM
Wang di tangan dan di bank:		
– Zakat	14,166,859	24,065,186
– Wakaf	91,573	678,296
– Sumber Am	4,868,148	5,719,937
– Akaun Pelbagai	711,136	320,727
	19,837,716	30,784,146
Wang dalam perpindahan kira-kira Kadi	20,526	223,020
Wang dalam perpindahan panjar runcit	67,375	60,721
	19,925,617	31,067,887

11. KUMPULAN WANG BAITULMAL

	2009 RM	2008 RM
11.1 Zakat		
Baki awal tahun	84,647,907	73,898,105
Lebihan pendapatan	2,844,910	10,749,802
Pelarasan tahun lalu	7,330	-
Baki akhir tahun	87,500,147	84,647,907
11.2 Wakaf		
Baki awal tahun	4,241,075	3,809,943
(Kekurangan)/Lebihan pendapatan	(443,919)	431,132
Baki akhir tahun	3,797,156	4,241,075
11.3 Sumber Am		
Baki awal tahun	10,206,741	15,313,323
Lebihan pendapatan	1,469,954	1,931,323
Pelarasan tahun lalu	299,331	(7,037,905)
Baki akhir tahun	11,976,026	10,206,741
11.4 Amanah		
Baki awal tahun	10,925,423	884,196
(Kurangan)/Tambahkan dalam tahun	(9,149,244)	10,041,227
Baki akhir tahun	1,776,179	10,925,423
	105,049,508	110,021,146

nota-nota kepada penyata kewangan
bagi tahun berakhir 31 disember 2009

12. SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI

	2009 RM	2008 RM
Baki awal tahun	3,739,934	3,920,959
Tolak: Dilunaskan sebagai pendapatan dan ditunjukkan pada Penyata Pendapatan Sumber Am Baitulmal	(181,025)	(181,025)
Baki akhir tahun	3,558,909	3,739,934

13. TABUNG PINJAMAN KAKITANGAN

Ini merupakan dana pusingan di bawah Akaun Amanah yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan suntikan dana daripada sumber am baitulmal, bertujuan untuk membiayai pinjaman peribadi kakitangan untuk pembelian kenderaan, komputer dan pendahuluan diri.

14. RIZAB MODAL

Ini merupakan lebih atas kos yang berbangkit daripada penilaian semula tanah-tanah milik Majlis, berasaskan polisi yang dijelaskan di Nota 2 c) Kepada Penyata Kewangan di atas.

15. PINJAMAN JANGKA PANJANG

	2009 RM	2008 RM
Baki awal tahun	-	-
Tambahan dalam tahun	525,000	525,000
Tolak: Ansuran yang perlu dibayar balik dalam tempoh 12 bulan	-	-
Ansuran yang perlu dibayar balik dalam tempoh selepas 12 bulan	525,000	525,000

16. PERTARUHAN

	2009 RM	2008 RM
Pertaruhan sewa	165,207	104,807
Pertaruhan air	2,200	1,600
	167,407	106,407

17. PEMIUTANG

	2009 RM	2008 RM
Bantuan am	3,037,100	1,016,511
Belanja mengurus	509,618	197,534
Bayaran audit	50,000	55,500
Bayaran terdahulu peruntukan panjar	96,000	96,000
Pelbagai pemiutang	949,790	1,149,789
	4,642,508	2,515,334

18. AMIL

	2009 RM	2008 RM
Emolumen	1,636,511	1,611,035
Perkhidmatan dan bekalan	3,317,366	2,846,338
Inventori	30,213	137,311
Perbelanjaan lain	1,337,837	1,465,093
Susut nilai (rujuk Nota 3)	266,680	128,128
	6,588,607	6,187,905

nota-nota kepada penyata kewangan
bagi tahun berakhir 31 disember 2009

19. FISABILILLAH

	2009 RM	2008 RM
Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran	8,761,226	5,578,362
Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat	2,511,478	1,582,434
Elaun guru kelas pengajian Al-Quran	390,562	164,138
Insentif mubaligh dan guru kelas Muallaf	749,799	723,958
Promosi dan dakwah zakat	744,119	416,917
Pembangunan Islam	8,360,745	10,840,906
Pembangunan modal insan	534,817	–
Bantuan bencana	573,321	194,059
Bantuan anak yatim	128,968	84,086
Sumbangan kepada pasukan keselamatan	44,696	43,990
Agihan asnaf Fisabilillah oleh amil khas (institusi)	245,653	7,582
Bantuan Fisabilillah yang lain	61,613	–
	23,106,997	19,636,432

20. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada berikut:

	2009 RM	2008 RM
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	56,256,213	56,083,235
Wang tunai di tangan dan di bank	19,925,617	31,067,887
	76,181,830	87,151,122

21. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah disusun semula untuk menyesuaikan dengan persembahan tahun ini.